



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 14 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Anjung Singgah Bantu 6,221 Gelandangan Bina Hidup Baharu https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154411/anjung-singgah-bantu-6221-gelandangan-bina-hidup-baharu#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323405/lebih-6000-gelandangan-bina-hidup-baharu-atas-sokongan-anjung https://www.wilayahku.com.my/anjung-singgah-6221-gelandangan-dibantu-dapatkan-pekerjaan/#google_vignette	Harian Metro Berita Harian Wilayahku	Neutral
2.	KASIH Kanak-Kanak Tangani Isu Dera, Pengabaian https://www.kosmo.com.my/2024/11/13/bilangan-kanak-kanak-perlukan-perindungan-meningkat-secara-drastik-tahun-lalu/#google_vignette https://news.seehua.com/post/1245115	Kosmo News Seehua	Neutral
3.	Pengasuh Paling Ramai Dera Kanak-Kanak https://www.kosmo.com.my/2024/11/13/pengasuh-suspek-tertinggi-kes-dera-kanak-kanak-di-selangor/ https://www.youtube.com/watch?v=X3rbR4LFXrk	Kosmo Buletin TV3	Neutral

	<p>https://www.youtube.com/watch?v=WNX35lr4-Rg</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/pengasuh-paling-ramai-dera-kanak-kanak-di-selangor/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/3-597-kes-penderaan-disiasat-di-bawah-akta-kanak-kanak-2001</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/13/kes-dera-kanak-kanak-di-selangor-banyak-dilakukan-pengasuh/</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2362793</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154588/387-kes-dera-kanak-kanak-di-selangor-sehingga-oktober-lalu-pengasuh-adalah</p> <p>https://selangorkini.my/2024/11/polis-selangor-rekod-387-kes-dera-kanak-kanak-antara-januari-hingga-oktober/</p>	<p>Buletin TV9</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>Harian Metro</p> <p>Selangor Kini</p>	
<p>4.</p>	<p>Wanita Maut, Kenderaan Dihempap Kontena Terbalik</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154560/wanita-maut-kenderaan-dihempap-kontena-terbalik</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-lelaki-parah-kereta-dihempap-kontena-496146</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323351/wanita-maut-dihempap-kontena-terbalik</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696346/berita/semasa/pemandu-wanita-maut-dihempap-kontena</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/11/13/kontena-jatuh-treler-hempap-pemandu-wanita-di-simpang-lampu-isyarat</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=x6dVSwWvX6Q</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=Q3uhXnn1VRA</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>MStar</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.youtube.com/watch?v=xqrUUIND2to</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-maut-lelaki-cedera-kenderaan-dihempap-kontena</p> <p>https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2362782</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/13/nahas-dihempap-kontena-wanita-maut-tersepit/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/13/wanita-maut-lelaki-cedera-parah-dihempap-kontena</p>	<p>Bernamea TV</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>FMT</p> <p>Utusan Borneo</p>	
5.	<p>Warga Emas Kena Denda Simpan Lebih 1 Tan Sampah Depan Rumah</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/13/warga-emas-kena-denda-simpan-lebih-1-tan-sampah-dekat-rumah/#google_vignette</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
6.	<p>Warga Emas Rugi RM136,000 Terpedaya Tawaran Perniagaan Dalam Talian</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696409/berita/semasa/warga-emas-rugi-rm136000-terpedaya-tawaran-perniagaan-dalam-talian</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-rm136000-terpedaya-tawaran-perniagaan-dalam-talian-496171</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323493/terjerat-selepas-tekan-pautan-dalam-fb-warga-emas-rugi-rm136000#google_vignette</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-rugi-rm136000-selepas-tekan-pautan-dalam-fb/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-rugi-rm136000-terpedaya-tawaran-perniagaan-dalam-talian-FI13283134</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>The Sun</p>	Neutral

	https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/13/warga-emas-rugi-rm136000-setelah-tertipu-urusan-perniagaan-dalam-talian https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2362868	Utusan Borneo Bernama	
7.	Gadis OKU Hilang Selepas Ditegur Kemas Rumah https://www.kosmo.com.my/2024/11/13/gadis-oku-hilang-selepas-ditegur-kemas-rumah/	Kosmo	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

ANJUNG SINGGAH BANTU 6,221 GELANDANGAN BINA HIDUP BAHARU



Anjung Singgah

Kuala Lumpur: Seramai 6,221 gelandangan yang mendapatkan perkhidmatan di Anjung Singgah di seluruh negara, berjaya membina hidup baharu selepas memperoleh pekerjaan masing-masing.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kementeriannya melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) mewujudkan Anjung Singgah yang berperanan sebagai pusat rujukan bantuan sosial dan intervensi kepada golongan gelandangan produktif.

Katanya, perkhidmatan itu menawarkan tempat penginapan sementara, makan minum, saringan awal kesihatan, program pemantapan jati diri dan intervensi kaunseling serta rujukan bantuan sosial dan pekerjaan melalui kerjasama pelbagai agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan.

"Sehingga kini, lima Anjung Singgah ditubuhkan di bandar besar iaitu di Kuala Lumpur; Johor Bahru, Johor; Pulau Pinang; Kuching, Sarawak dan Ipoh, Perak.

"Sehingga Ogos 2024, seramai 9,685 orang gelandangan direkodkan mendaftar masuk dan mendapatkan perkhidmatan di semua Anjung Singgah.

"Daripada jumlah itu, seramai 6,221 orang gelandangan dibantu mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian manakala selebihnya kembali ke pangkuan keluarga atau dirujuk kepada jabatan atau agensi dan NGO berkaitan bagi bantuan susulan," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen Malaysia.

Beliau menjawab pertanyaan Mohd Sany Hamzan (PH- Hulu Langat) mengenai bantuan mengurangkan masalah gelandangan di bandar besar seperti Kuala Lumpur dan bandar lain selain daripada (bantuan) disediakan dewan bandar raya.

KASIH KANAK-KANAK TANGANI ISU DERA, PENGABAIAN

PETALING JAYA – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024 hari ini dalam usaha menangani isu penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak.

Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak dalam kenyataannya berkata, program itu bertujuan untuk menangani dan mencegah kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak termasuk yang boleh menyebabkan kematian.

"Antara pengisian utama program ini ialah ceramah dan pameran pelbagai agensi berkaitan. Ini termasuk berkongsi kaedah serta tindakan yang boleh diambil ekiranya terdedah dengan penderaan," katanya.

Program itu dilancarkan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Che Murad Sayang Ramjan. Turut hadir, Pengarah Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, Dr. Sopian Brahimi.

Menurut kenyataan itu, pihaknya menyasarkan program tersebut dilaksanakan di 300 buah sekolah di seluruh negara sepanjang tahun ini. Setakat 5 November lalu, JKJ telah mencapai sasaran sebanyak 327 buah sekolah dan memberi manfaat kepada kira-kira 150,000 kanak-kanak.

"Berdasarkan statistik JKJ, bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan meningkat secara drastik pada 2023 sebanyak 8,041 orang berbanding 6,770 orang pada 2022 dan 6,144 orang pada 2021.

"Di Labuan, sehingga Ogos lalu sebanyak 47 kes dicatatkan bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan," katanya.

KPWKM menyeru orang ramai untuk memanfaatkan sistem Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-2615999 sekiranya terdapat sebarang kes penderaan atau

pengabaian yang melibatkan anggota masyarakat dalam komuniti setempat khususnya kanak-kanak.

Selain itu, aduan juga boleh disalurkan melalui aplikasi mobil Talian Kasih yang beroperasi 24 jam sehari. – KOSMO! ONLINE

PENGASUH PALING RAMAI DERA KANAK-KANAK

SHAH ALAM – Pengasuh dan penjaga menjadi pelaku jenayah tertinggi kes penderaan kanak-kanak di Selangor dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, statistik terbaharu pihaknya merekodkan sebanyak 387 kes rata-ratanya melibatkan mangsa berusia bawah 16 tahun.

Tegasnya, kesemua mangsa itu terdiri daripada 139 kanak-kanak berusia 0 hingga satu tahun, dua hingga lima tahun (96) dan bakinya berusia sehingga 18 tahun.

“Daripada jumlah itu, seramai 89 suspek melibatkan pengasuh atau penjaga selain golongan ibu bapa, guru, jiran dan murid,” katanya selepas merasmikan Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor di Balai Polis Seksyen 11 di sini, hari ini.

Tambah beliau, statistik pihaknya mendapati kes penderaan kanak-kanak di negeri merekodkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Hussein berkata, CIC kedua yang beroperasi sejak Mac lalu bertujuan menemuduga kanak-kanak yang terlibat dalam kes seperti penderaan, pengabaian dan seksual. – KOSMO! ONLINE

WANITA MAUT, KENDERAAN DIHEMPAP KONTENA TERBALIK



KERJA-KERJA mengeluarkan mangsa yang tersepit selepas kenderaan dinaiki dihempap kontena yang terjatuh dari sebuah treler di Jalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam. FOTO Ihsan JBPM

Bukit Mertajam: Seorang wanita maut manakala seorang lelaki cedera selepas kenderaan dipandu mereka dihempap kontena yang terjatuh dari sebuah treler di Jalan Bukit Tengah, di sini, pagi tadi.

Dalam kejadian jam 9.16 pagi itu, mangsa, Lee Zi Rou, 21, meninggal dunia di lokasi kemalangan akibat kecederaan parah.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Perda, Mohd Nor Azamuddin Abdullah berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan berhubung nahas berkenaan.

"Sebaik tiba didapati kemalangan membabitkan lima kenderaan iaitu tiga kereta dan dua lori termasuk sebuah treler.

"Terdapat dua mangsa tersepit akibat terhempap kontena terbalik.

"Mangsa lelaki berusia 25 tahun dikeluarkan oleh orang awam sebelum ketibaan pihak bomba dan dibawa ke hospital untuk rawatan, manakala mangsa wanita yang tersepit kita menggunakan peralatan khas untuk mengeluarkannya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mohd Nor Azamuddin berkata, wanita itu tidak dapat diselamatkan dan disahkan meninggal dunia oleh petugas perubatan yang berada di lokasi.

"Mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

"Bomba kemudian menjalankan kerja pengalihan kontena yang terjatuh dengan menggunakan dua kren sebelum menamatkan operasi berkenaan," katanya.

Terdahulu tular video dan beberapa gambar memaparkan deretan kenderaan yang berada di persimpangan lampu isyarat Jalan Persekutuan di Bukit Tengah di sini, dikejutkan dengan insiden kontena terjatuh dari sebuah treler sehingga menyebabkan seorang terbunuh manakala seorang lagi cedera.

Menerusi rakaman kamera papan pemuka dari sebuah kenderaan mendapati pemandu treler membelok sebelum kontena dibawanya terbalik dan menimpa beberapa kenderaan yang sedang menunggu di lampu isyarat terbabit.

Difahamkan, mangsa yang maut dalam perjalanan ke tempat kerja dan memandu kenderaan itu seorang diri.

WARGA EMAS RUGI RM136,000 TERPEDAYA TAWARAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN

SIBU - Seorang lelaki warga emas kerugian RM136,000 setelah terpedaya dengan penipuan perniagaan dalam talian, kata Ketua Polis Daerah SibU, Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili.

Beliau berkata, mangsa berusia 60-an dan tidak bekerja terjerat selepas menekan pautan di laman Facebook pada 9 Okt lepas yang membawa ke satu platform e-dagang menggunakan aplikasi WhatsApp.

"Mangsa ditawarkan peluang perniagaan menjual barangan kosmetik berjenama secara eksklusif dalam talian dengan syarat memberikan modal terlebih dahulu untuk meraih keuntungan.

"Tertarik dengan tawaran itu, mangsa bersetuju dan kemudian diminta memuat turun satu aplikasi untuk pengesahan jualan serta penambahan modal bagi stok barangan jualan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, dari 13 Oktober hingga 7 November, mangsa telah melakukan 32 transaksi pemindahan wang ke 11 akaun bank tempatan atas arahan suspek kononnya untuk menambah stok barangan.

Pada 10 November, mangsa diberitahu bahawa aplikasi itu telah dibekukan dan diminta membuat pembayaran tambahan sebanyak RM70,000.

"Berasa curiga dan sedar telah ditipu, mangsa akhirnya membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibul semalam," katanya dan menambah kes itu kini disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. – Bernama

GADIS OKU HILANG SELEPAS DITEGUR KEMAS RUMAH

SUNGAI PETANI – Seorang bapa merayu anak perempuannya yang tidak pulang ke rumah sejak Isnin lalu agar segera kembali ke pangkuan keluarga.

Mohd Izal Ismail, 49, berkata, dia bimbang dengan keselamatan anaknya, Nurul Atiqah, 22, yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) pendengaran dan lembam.

Katanya, dia yang menghidap penyakit jantung kini tertekan dan terpaksa mengambil ubat penenang.

"Belum hilang sedih akibat kematian isteri, Norhayati Shafie dua tahun lalu, kini saya diuji lagi dengan tindakan satu-satunya anak perempuan daripada lima beradik ini yang keluar rumah," katanya ketika ditemui di Bukit Selambau, di sini hari ini.

Mohd Izal yang bekerja sebagai pengawal keselamatan berkata, sehari sebelum anaknya menghilangkan diri, dia ada menegur anaknya itu yang dipanggil kakak supaya mengemas rumah.

"Kira-kira pukul 2 petang Isnin lalu, saya dimaklumkan seorang penduduk taman mengatakan dia nampak anaknya berjalan kaki bersebelahan masjid Al-Wajdi yang terletak berdekatan rumah sambil membawa sebuah beg pakaian.

"Saya cuba menghubunginya namun tida berjawab sebelum membuat laporan di Balai Polis Bukit Selambau," jelasnya.

Mohd Izal berharap sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai Nurul Atiqah boleh menghubunginya di talian 014-5456082 atau menghubungi mana-mana balai polis berhampiran. – KOSMO! ONLINE